# SUKAN MALAYSIA IX, 2002
# PERATURAN PERTANDINGAN PERAHU LAYAR (OPTIMIST)

## 1.0 PERATURAN AM

1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **"INTERNATIONAL SAILING FEDERATION RULES 2000 - 2004 DAN INTERNATIONAL OPTIMIST DINGHY ASSOCIATION (IODA).**

1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-

1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002.**

1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-Undang IODA.

1.3.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Perahu Layar SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

## 2.0 TARIKH PERTANDINGAN

08 Sept hingga 13 Sept, 2002.

## 3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Tanjung Aru Yacht Clud
Kota Kinabalu
Sabah.



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

## 4.0 PENYERTAAN

4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Negeri, Polis DiRaja Malaysia dan Universiti-Universiti Malaysia. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.

4.2 Setiap pasukan Negeri, PDRM dan MASUM boleh mendaftarkan satu (1) pasukan sahaja terdiri daripada:

| | **PESERTA** |
|---|---|
| Pengurus pasukan | 1 orang |
| Jurulatih | 1 orang |
| Pengadil | 1 orang |
| Peserta | 5 orang |
| | ---------- |
| **JUMLAH** | **8 orang** |
| | ========= |

## 5.0 KELAYAKAN PESERTA

5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1987 dan selepasnya sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.

5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Sijil Kelahiran atau salinan Kad Pengenalan, dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa peserta bersama Borang Pendaftaran peserta. Bagi peserta PDRM, kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran pendaftaran sebanyak RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am 6.2 sahaja layak menyertai pertandingan ini.

5.4 Peserta-peserta gantian dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa Mesyuarat Pengurus pasukan akan dikenakan Yuran pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua yuran pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.

5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM serta pelajar-pelajar yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan yang berkenaan.

5.6 Seseorang peserta kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.

5.7 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.11.

5.8 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat tajaan daripada Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.

## 6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.

6.2 Semua Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta, Kad



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

Pengenalan/Sijil Kelahiran/pasport Antarabangsa dan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 yang asal untuk disahkan.

6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

**7.0 ACARA**

7.1 Individu Lelaki
7.2 Individu Wanita
7.3 Berpasukan

**8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

8.1 Individu terbuka mengikut sistem kiraan terendah (low point system) yang dikira pada setiap perlumbaan. Tujuh (7) perlumbaan dijalankan dan 6 perlumbaan terbaik dikira sebagai jumlah markah menentukan kedudukan. Jika kurang dari 4 perlumbaan, kesemua perlumbaan akan diambil kira.

8.2 Pertandingan antara pasukan akan dilaksanakan mengikut sistem pemberian mata RRS 'D' 2000-2004.

**9.0 PERALATAN**

9.1 Jaket Keselamatan
9.2 Penceduk air
9.3 Nombor Layar
9.4 Perahu dan layar dibawa sendiri oleh peserta/pasukan dan mendapat kelulusan daripada pihak pengukur (measurer) pertandingan.
9.5 Pihak penganjur akan menyediakan perahu untuk disewa tanpa layar.

**10.0 PENGADIL/HAKIM**

10.1 Pengarah Pertandingan dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh MYA yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKAN MALAYSIA IX, 2002.



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com

10.2 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengadil/Pegawai pertandingan adalah muktamad.

## 11.0 BANTAHAN / TATATERTIB

11.1 Semua pasukan (termasuk pegawai dan pelayar) dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM200.00 tunai.

11.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.

11.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Sekretariat Pertandingan Perahu Layar Optimist SUKAN MALAYSIA IX, 2002 dalam masa satu (1) jam selepas bot terakhir mendarat.

## 12.0 HADIAH-HADIAH

12.1 Pingat-pingat kemenangan adalah seperti berikut :-

| Acara | Emas | Perak | Gangsa |
|---|---|---|---|
| 1. Individu Lelaki | 1 | 1 | 1 |
| 2. Individu Wanita | 1 | 1 | 1 |
| 3. Berpasukan | 1 | 1 | 1 |
| | **3** | **3** | **3** |

12.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan oleh :-
Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002
*Peraturan am sukma 2002/091001//LAYAR/dila*



PDF created with FinePrint pdfFactory Pro trial version http://www.fineprint.com